

06 NOV 1996

IBM M'SIA NAK TUBUH PUSAT KECEKAPAN MULTIMEDIA BAGI MSC

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- IBM World Trade Corporation merancang untuk menubuhkan sebuah pusat kecekapan multimedia bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) berharga RM5 bilion yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua eksekutif/pengurus besarnya Ou Shian Waei hari ini berkata IBM akan menyediakan tenaga kerja dan kepakaran serta teknologi bagi kemajuan pusat tersebut.

IBM Malaysia telah juga memberikan komitmennya kepada pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah untuk mengambil bahagian dalam MSC.

MDC ialah sebuah badan yang dilantik oleh kerajaan untuk menyelaraskan perancangan, pembangunan dan penggalakan MSC, yang merangkumi pusat bandar Kuala Lumpur, pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

Bercakap kepada pemberita pada satu majlis taklimat media di sini, beliau mengesahkan bahawa syarikat tersebut telah diminta oleh kerajaan untuk membantu dalam penubuhan MSC.

Sementara itu, naib presiden (Industri) IBM Asia Pacific Service Corporation J. Michael Lawrie berkata syarikat itu akan memberi tumpuan kepada pewujudan kerajaan elektronik ataupun pemerintahan tanpa kertas dalam MSC.

Di samping menyediakan perkhidmatan kerajaan dan mel-elektronik, IBM juga memberi tumpuan kepada usaha mengadakan program multimedia bagi sekolah-sekolah bestari dan pendidikan jarak jauh.

Pada masa ini, IBM Malaysia terbabit dalam tiga bidang utama -- perbankan, pembuatan dan pentadbiran tanpa kertas. -- BERNAMA

YY KY/sia